Yuran Pengajian*

Yuran Tidak Berulang

Pendaftaran	**RM550.00**
Insurans	**RM78.00**

Yuran Berulang

Pengurusan dan Perkhidmatan	**RM408.00**

Yuran Pengajian

- Kerja Kursus (42 jam kredit)
- Kerja Kursus dan Disertasi (41 jam kredit)
- Penyelidikan (8 jam kredit + 1 sem RM1100)
- PhD (8 jam kredit + 1 sem RM1850)

RM150/jam kredit

PERMOHONAN SECARA ATAS TALIAN
http://www.uum.edu.my/index.php/admissions-uum/postgraduate/contemporary-malay-language-studies

*Sah semasa brosur ini dicetak. Tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa.

Bayaran wang proses sebanyak RM100.00 di Bank Islam (no. akaun: 02093010000010) dengan kod CAS 001



Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Dr. Yusniza Yaakub
Penyelaras Program Siswazah Bahasa Melayu
Jabatan Pengajian Bahasa
Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah
Kolej Sastera dan Sains,
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok, Kedah

Telefon: 04 928 5525
No Faks: 04 928 5709
Mel-e: **yusniza@uum.edu.my**
Telefon Bimbit: **012-5540606**

Wakil Pensyarah:
Dr Hishamudin Isam – 0127159194
Dr Phat a/l Awang Deng – 0124983739
Dr Sharifah Fazliyaton – 0124363597
PM Dato' Dr Nuraini Yusoff – 0192795153

"KE ARAH KESARJANAAN BERINSPIRASI"

Kampus UUM

SARJANA SASTERA (PENGAJIAN BAHASA MELAYU KONTEMPORARI)

Matlamat Program

Program ini bermatlamat untuk menghasilkan golongan pendidik, pegawai bahasa serta penulis yang berupaya melahirkan pemikiran kritis dan kreatif dalam menangani masalah berkaitan bahasa dan kebahasaan serta berupaya mempraktikkan dan meluaskan penggunaan wahana terkini dalam pengajian bahasa.

Objektif Program

Pada akhir program ini, graduan diharap dapat:

- mendalami pengetahuan tentang pengajian dan pengajaran bahasa Melayu dengan mengambil kira perkembangan terkini yang berlaku dalam disiplin berkaitan;
- melahirkan pemikiran yang kritis dan kreatif untuk menangani masalah-masalah berkaitan bahasa dan kebahasaan;
- mempraktikkan dan meluaskan penggunaan ICT dalam pengajian bahasa; dan
- menjalankan penyelidikan berkaitan bahasa dan pengajaran bahasa Melayu, sekaligus menambah sumber kepustakaan disiplin tersebut.

Mengapa Pengajian Bahasa Melayu Kontemporari?

Program ini yang mencakupi segala aspek kebahasaan berbentuk kontemporari berupaya memenuhi keperluan mendesak negara dalam memastikan penggunaan bahasa Melayu yang mantap, berkesan dan persis. Kursus-kursus yang ditawarkan dalam program ini bukan sahaja membantu menambahtingkatkan pengetahuan para graduan malah mengukuhkan lagi tahap profesionalisme mereka. Kemahiran penyelidikan dan penulisan akademik yang turut diberikan dalam program ini akan memantapkan kemahiran graduan dalam bidang penyelidikan dan pembangunan selaras dengan wawasan dan gagasan kerajaan. Selain itu, program ini juga membantu melonjak daya juang pengajian Melayu dalam persada global.

Khalayak Sasaran

Para pendidik, pegawai bahasa, penulis, penyunting, lulusan pengajian bahasa dan sastera.

Struktur Pengajian

- Secara Kerja Kursus
- Secara Kerja Kursus dan Disertasi Sarjana
- Secara Penyelidikan

Penilai Program

Prof. Emeritus Dato' Dr. Asmah Haji Omar
Prof. Dato' Dr. Teo Kok Seong

Tempoh Pengajian

- Kerja Kursus (Sepenuh masa): 3 semester – 9 semester
- Kerja kursus (Separuh masa) : 5 semester – 15 semester
- Kerja Kursus dan Disertasi Sarjana (Sepenuh masa): 3 semester – 9 semester
- Kerja Kursus dan Disertasi Sarjana (separuh masa): 5 semester – 15 semester
- Penyelidikan (Sepenuh masa): 2 semester – 6 semester
- Penyelidikan (Separuh masa): 3 semester – 10 semester

Syarat-syarat Kemasukan

Pemohon untuk program ini hendaklah mempunyai:

- Sarjana muda dengan Kepujian dalam bidang bahasa Melayu, linguistik dan kesusasteraan atau bidang-bidang lain yang berkaitan dengan PMK sekurang-kurangnya 2.75 ATAU bagi pelajar yang PMK kurang daripada 2.75, mereka perlu mempunyai tidak kurang daripada 3 tahun pengalaman bekerja dalam bidang kebahasaan, pendidikan atau bidang-bidang lain yang berkaitan; ATAU
- Sarjana muda dengan Kepujian dalam bidang selain bahasa Melayu, linguistik dan kesusasteraan dengan mempunyai pengalaman pekerjaan selama tidak kurang daripada 3 tahun; ATAU
- Diploma dalam bidang bahasa Melayu, linguistik dan kesusasteraan atau bidang-bidang lain yang berkaitan dengan pengalaman kerja tidak kurang daripada 5 tahun; ATAU
- Lain-lain kelayakan yang diluluskan oleh Senat sebagai layak untuk mengikuti program ini.